

Nilai &
Harapan

168



integriti
komitmen
tanggungjawab keusahawanan
keberanian moral

RPM
168168168168168

SEMAKAN 2018

Frank C. Sullivan,
Pengasas RPM, 1947



Para Pekerja yang Dihormati:

RPM merangkumi falsafah keusahawanannya dengan membenarkan syarikat-syarikat operasi RPM untuk mengenal pasti dan beroperasi di bawah jenama tersendiri, budaya dan pasaran mereka. Semangat keusahawanan ini menjadi daya penggerak bagi perkembangan RPM yang tidak dapat ditandingi selama lebih dari tujuh dekad dan akan terus mendorong prestasi RPM ke masa depan. Apa yang membezakan RPM dari pesaing kami adalah nilai yang dihasilkan antara satu sama yang lain, yang mana membolehkan kita secara kolektifnya menjadi lebih kuat berbanding jumlah bahagian individu.

Mana-mana syarikat boleh saja mengaku bahawa mereka sangat bagus dalam sesuatu perkara, sama ada dalam pengambilalihan, memberi bantuan pada pelanggan mereka, mewujudkan persekitaran yang amanah dan menghormati rakan sebaya atau memacu nilai untuk pemegang saham. Melalui dedikasi dan komitmen anda, RPM dianggap unik dalam industri ini, cemerlang dalam semua bidang. Malah, kita sangat bangga menjadi usahawan yang mencipta nilai untuk semua. Bagi mengekalkan piawaian dan kekuatan itu, semua pekerja, pegawai, pengarah dan pihak ketiga yang mewakili pihak RPM mestilah merangkumi the Value of 168 dan terus memanfaatkan nikmat kehidupan dan masa terhad yang telah diberi agar selalu melakukan perkara yang benar, dengan cara yang betul, atas sebab yang betul.

Nilai dan Harapan 168 adalah prinsip nafas kehidupan untuk mengenal pasti siapa kita, apa yang kita harapkan daripada diri sendiri dan semua pihak yang berkaitan dengan kita, dan apa yang pihak lain boleh harapkan daripada kita. Seperti yang dilakukan dengan semua inisiatif kita, RPM harus terus berusaha untuk memperbaiki cara di mana kita menyampaikan nilai dan harapan kita kepada pekerja dan pemegang saham yang lain. Semakan buku panduan Nilai & Harapan 168 ini memberi semula penekanan kepada prinsip teras kita dan terus berkhidmat sebagai alat untuk anda semasa kita semua berusaha untuk mengekalkan piawaian tinggi RPM dalam mencipta nilai buat semua.

Saya berbangga untuk berkhidmat dengan anda, berasa rendah hati dengan keistimewaan untuk memimpin usahawan-usahawan besar RPM, dan saya berterima kasih atas komitmen, masa dan bakat yang anda berikan pada setiap hari untuk memastikan perkembangan dan kejayaan RPM yang berterusan.



Yang benar,

Frank C. Sullivan
Ketua Pegawai Eksekutif
RPM International Inc.



2 SURAT PENGENALAN

4 THE VALUE OF 168® DAN PRINSIP TERAS KITA

8 INTEGRITI DAN TANGGUNGJAWAB ANDA KEPADA SYARIKAT

- 8 Bertindak untuk Kepentingan Terbaik Syarikat
- 11 Melindungi Maklumat dan Aset Korporat Kita
- 12 Melindungi Maklumat Sulit dan Proprietari
- 14 Melindungi Privasi dan Kepentingan Keselamatan Setiap Orang

16 KOMITMEN KEPADA ORANG RAMAI & KOMUNITI

- 16 Melindungi Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran Kita
- 17 Melayan Semua Orang Dengan Hormat dan Bermaruah

18 TANGGUNGJAWAB KEUSAHAWANAN

- 18 Mengekalkan Rekod yang Tepat, Lengkap dan Telus
- 20 Hanya Gunakan Maklumat Awam untuk Membuat Keputusan Dagangan Pasaran Saham
- 21 Mengelak Situasi yang Mungkin Boleh Dianggap sebagai Rasuah
- 23 Perjalanan, Penginapan, Makanan, Hadiah dan Hiburan
- 28 Bertindak dalam Cara yang Menggalakkan Persaingan Terbuka
- 32 Menjalankan Perniagaan Dengan Individu dan Entiti yang Bereputasi
- 33 Memastikan Urusan Perniagaan Perdagangan dan Merentasi Sempadan yang Sah

34 KEBERANIAN MORAL UNTUK MELAPORKAN DAN MEMBETULKAN PELANGGARAN YANG DISYAKI

- 34 Laporkan Tanpa Rasa Takut terhadap Tindakan Balas
- 35 Bekerjasama Dalam Siasatan



RPM International Inc.
2628 Pearl Road / Medina, Ohio 44256
www.rpminc.com
1-330-273-5090

THE
Value of 168[®]
dan Prinsip Teras Kita

168 merujuk kepada jumlah jam dalam seminggu, tetapi lebih daripada itu, ia adalah komitmen kita terhadap tingkah laku perniagaan yang beretika dan sentiasa memanfaatkan nikmat kehidupan dan masa terhad yang ada untuk melakukan perkara yang benar, dengan cara yang betul, atas sebab yang betul.

Semua tindakan kita hendaklah mematuhi the Value of 168® dan prinsip teras yang sedia ada.

INTEGRITI: Berterus terang dan jujur. Mendedahkan maklumat dengan tepat dan secara terbuka dalam urusan niaga perniagaan. Penipuan dan tindakan balas adalah tidak layak di RPM dan tidak akan diterima.

KOMITMEN: Ikut undang-undang, dasar dan prosedur kita. Melindungi harta, aset dan kepentingan syarikat, dan memastikan tumpuan diberikan kepada matlamat kolektif pemegang saham, pekerja, pelanggan, pengguna dan masyarakat.

TANGGUNGJAWAB KEUSAHAWANAN: Mencari cara yang inovatif untuk bersaing dan menang di dalam pasaran yang kita ceburi. Bersaing dengan bersungguh-sungguh, akan tetapi sentiasa melakukannya dengan adil dan mematuhi standard syarikat dan persaingan standard bebas, prinsip hak asasi manusia dan alam sekitar, dan dengan menghormati pelanggan, pesaing dan komuniti di mana tempat kita beroperasi.

KEBERANIAN MORAL: Membuat perkara yang betul, walaupun ia sukar, dan tidak kira sama ada seseorang memerhatikan anda atau jika anda akan menerima pujian.

the Value of 168 dan prinsip terasnya adalah asas kepada SEMUA proses membuat keputusan. Kita adalah RPM, dan kejayaan kita bergantung kepada pilihan terbaik yang dibuat oleh kita semua.



S: Setiap tahun penyelia saya menetapkan matlamat yang tinggi dan memberitahu kami untuk melakukan "apa sahaja yang diperlukan untuk mencapainya." Apa yang perlu saya buat?

J: Sebagai ketua keusahawanan yang bertanggungjawab, kita mempunyai kewajiban untuk sentiasa mencari cara yang lebih baik untuk bersaing dalam pasaran dan membangunkan produk kita dengan cara terbaik untuk memenuhi keperluan pelanggan kita. Oleh itu, kita terus mengembangkan matlamat dan memberi inspirasi kepada para pekerja untuk meneruskan perkembangan profesional mereka. Walau bagaimanapun, kita tidak akan mengkompromikan nilai-nilai kita untuk mencapai matlamat organisasi. Tiada siapa yang boleh membuat kenyataan atau mengambil tindakan yang bertujuan untuk melanggar undang-undang atau nilai-nilai kita, dan anda tidak sepatutnya menerima sebarang kenyataan yang mengarahkan anda berbuat demikian. Nilai dan harapan kita adalah paling utama, dan mengikut definisinya, kita tidak boleh memenuhi sebarang matlamat atau objektif organisasi jika kita melanggar prinsip etika bersama atau peribadi untuk berbuat demikian. Jika sesiapa pernah mengarahkan anda untuk melencong daripada nilai dan harapan kita, tidak kira siapa atau berapa kuat tekanan luar itu, anda mempunyai kewajiban untuk

tidak melakukan tindakan yang diminta dan melaporkan perbuatan tersebut.

S: Saya bekerja untuk syarikat RPM yang bukan terletak di A.S, dan undang-undang kami adalah berbeza dengan undang-undang A.S. Undang-undang yang manakah perlu saya ikut?

J: Berdasarkan nilai dan harapan kita, kita akan menjalankan perniagaan secara jujur, beretika dan sah pada setiap masa dan di semua lokasi di mana kita menjalankan perniagaan. Walau bagaimanapun, mungkin terdapat keadaan apabila pilihan undang-undang yang boleh digunakan di dalam situasi itu, menjadi perkara yang penting. Jika ini berlaku, anda mesti memahami bahawa dalam semua kes, undang-undang persekutuan A.S perlu dipertimbangkan. Ini perlu kerana RPM diperbadankan di A.S., dan oleh itu, semua syarikat RPM, tanpa mengira lokasinya mesti mematuhi undang-undang persekutuan A.S yang dikenakan ke atas operasi mereka dan juga undang-undang di lokasi di tempat mereka beroperasi. Asalkan dua atau lebih undang-undang tidak bercanggah, anda mesti menggunakan undang-undang yang berkaitan dengan situasi yang diberikan, dalam cara paling terhad. Walau bagaimanapun, jika terdapat konflik sebenar, atau anda tidak pasti sama ada terdapat percanggahan antara undang-undang persekutuan A.S dan undang-undang negara di mana syarikat anda beroperasi, anda perlu mendapatkan nasihat daripada kumpulan operasi anda atau jabatan undang-undang RPM untuk memastikan kita berkelakuan sewajarnya dengan cara yang sah.

Tidak kira berapa kuat tekanan di luar atau perniagaan berkenaan, jangan menyimpang daripada the Value of 168 dan prinsipnya.

Mana-mana pekerja yang melanggar nilai dan harapan kita, atau yang mengarahkan atau yang diketahui membenarkan pekerja atau wakil untuk melanggar nilai dan harapan kita adalah tertakluk kepada tindakan disiplin dan termasuk pemberhentian.

Bahagian berikut akan mengenal pasti beberapa cabaran biasa undang-undang dan etika yang mungkin anda hadapi. Anda mesti sentiasa bergantung kepada the Value of 168 dan prinsip yang diwujudkan untuk menguruskan isu ini dan anda mesti menjalankan keberanian moral untuk melapor serta membantu membetulkan sebarang pelanggaran yang disyaki.



Integriti dan Tanggungjawab anda KEPADA SYARIKAT

Bertindak untuk Kepentingan Terbaik Syarikat

Anda mempunyai kewajiban kepada syarikat untuk memajukan kepentingan perniagaannya apabila peluang muncul. Oleh itu, anda dilarang untuk mengambil (atau mengarah kepada orang lain) peluang perniagaan yang anda temui melalui penggunaan harta korporat, maklumat atau kedudukan anda. Dalam erti kata lain, anda dilarang daripada menggunakan harta korporat, maklumat atau kedudukan anda untuk keuntungan peribadi dan untuk bersaing dengan syarikat, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Anda juga mempunyai kewajiban untuk menangani konflik kepentingan dengan betul apabila mewakili syarikat dalam urusan perniagaan atau semasa membuat cadangan yang mungkin mempengaruhi tindakan syarikat.

Dalam beberapa contoh, aspek kewangan, hubungan profesional dan peribadi serta matlamat anda mungkin bercanggah dengan komitmen anda kepada syarikat. Jika ini berlaku, anda diperlukan untuk mendedahkan konflik. Kegagalan untuk mendedahkan konflik yang berpotensi kepada penyelia berkenaan mungkin membuat tanggapan yang anda tidak bertindak untuk kepentingan terbaik syarikat. Jika anda mengambil bahagian secara aktif dalam sebarang perkara bagi pihak syarikat, atau menampakkan yang anda mungkin mempunyai konflik kepentingan, anda mesti mendedahkan konflik kepada penyelia eksekutif peringkat pertama (naib presiden, pengurus besar atau presiden) syarikat operasi anda, mana-mana pegawai RPM atau jabatan perundangan RPM.

Walaupun anda percaya anda bertindak untuk kepentingan terbaik syarikat, pendedahan melindungi anda dan syarikat. Dalam kebanyakan kes, kewujudan atau kemunculan konflik

kepentingan tidak bermakna yang anda tidak mampu untuk mengambil bahagian dalam urusan niaga bagi pihak RPM atau syarikat anda. Apabila pendedahan dilakukan dengan betul, perlindungan boleh diwujudkan agar persetujuan terakhir dibuat oleh mereka yang tidak mempunyai konflik bagi memastikan yang mana-mana keputusan muktamad adalah untuk kepentingan terbaik syarikat. Ini juga melindungi anda daripada dakwaan berpotensi yang keputusan sudah dibuat semata-mata untuk kepentingan peribadi anda.



Jika anda mempunyai, atau kelihatan seperti anda mungkin mempunyai kepentingan konflik, anda mesti mendedahkan konflik kepada penyelia eksekutif peringkat pertama (naib presiden, pengurus besar atau presiden) syarikat operasi anda, mana-mana pegawai RPM atau jabatan perundangan RPM.



Contoh Konflik Kepentingan

KEPENTINGAN KEWANGAN: Anda atau ahli keluarga terdekat secara langsung atau tidak langsung memiliki atau menerima faedah daripada syarikat yang menjalankan perniagaan atau bersaing dengan mana-mana syarikat operasi RPM.

AKTIVITI-AKTIVITI LUAR: Anda atau ahli keluarga terdekat secara langsung atau tidak langsung berkhidmat sebagai ahli lembaga, pengarah, pegawai, pekerja, perunding atau ejen entiti yang mempunyai urus niaga dengan RPM; atau anda terlibat dalam usaha perniagaan bebas atau melakukan kerja atau perkhidmatan untuk perniagaan, organisasi sivik atau amal yang menghalang anda daripada menumpukan masa yang mencukupi kepada perniagaan syarikat.

HADIAH: Anda atau ahli keluarga terdekat menerima hadiah (atau hadiah yang dijanjikan pada masa hadapan) daripada individu atau entiti yang mungkin menghadkan anda daripada bertindak sepenuhnya untuk kepentingan syarikat.

URUS NIAGA DENGAN SYARIKAT: Anda atau saudara terdekat adalah pihak utama bagi urus niaga perniagaan dengan syarikat.

MENGAMBIL SAUDARA UNTUK BEKERJA: Anda mahu mengambil saudara terdekat untuk bekerja di syarikat anda.

Anda mesti mendedahkan konflik kepada penyelia eksekutif peringkat pertama.





KONFLIK KEPENTINGAN

S: Pekerja sepenuh masa bekerja untuk sebuah syarikat operasi RPM yang menghasilkan dan menjual lantai kepada pelanggan komersial dan perindustrian. Pada hujung minggu, pekerja tersebut memasang garaj kediaman dan lantai bawah tanah untuk menambah pendapatannya. Pekerja tersebut tidak menggunakan sebarang produk yang dihasilkan oleh syarikat melainkan dia membayar nilai pasaran untuknya. Adakah ini konflik kepentingan yang boleh dilaporkan kepada syarikat?

J: Selagi pekerja tersebut memasang lantai di luar waktu bekerja, memasang produk di lokasi bukan komersial yang bukan merupakan sebahagian daripada strategi pemasaran dan penjualan syarikat, dan dia membayar dengan sewajarnya untuk setiap produk syarikat yang mungkin dia gunakan semasa pemasangan itu, tindakannya tidak bertentangan dengan syarikat. Walau bagaimanapun, demi ketelusan dan keterbukaan, dan untuk menghapuskan sebarang ketidakwajaran, pekerja itu harus mendedahkan aktiviti ini kepada penyelia terdekatnya untuk memastikan dokumentasi yang teratur mengenai perkara ini.

S: Seorang pekerja jualan kanan sepenuh masa di syarikat pengendali RPM adalah pemilik 50 peratus pengedar yang menjual produk yang dihasilkan oleh syarikat itu dan beberapa pesaingnya. Pekerja tidak terlibat dalam aktiviti seharian pengedar tersebut. Adakah ini konflik kepentingan yang boleh dilaporkan kepada syarikat?

J: Ya. Walaupun pekerja jualan itu tidak terlibat dalam kegiatan seharian para pengedar itu, pekerja tersebut memperoleh keuntungan dari penjualan produk syarikat di luar skop pekerjaannya yang biasa, serta penjualan produk pesaing. Oleh kerana pekerja menerima manfaat kewangan langsung dari penjualan produk pesaing, syarikat tidak akan dapat menghapuskan konflik ini.

Pekerja harus segera mendedahkan konflik kepentingan ini kepada penyelia beliau. Contoh ini adalah salah satu kes yang jarang berlaku di mana konflik tersebut tidak boleh diselesaikan dengan mewujudkan kawalan untuk melindungi kepentingan syarikat, dan dengan itu, syarikat kemungkinan besar akan meminta pekerja itu untuk segera menjual kepentingannya kepada pengedar dan/atau menghadapi kemungkinan penamatan pekerjaan dari syarikat.





Melindungi Maklumat dan Aset Korporat Kita

Semua pekerja mempunyai kewajipan untuk melindungi aset, maklumat proprietari dan sulit serta peluang syarikat.

MELINDUNGI ASET KORPORAT

Aset syarikat sepatutnya digunakan hanya untuk tujuan perniagaan yang sah. RPM dan beberapa syarikatnya mungkin membenarkan penggunaan peribadi sampingan peralatan elektronik dan komunikasi, seperti komputer, telefon, mesin faks atau mesin salin. Sentiasa semak dengan penyelia

operasi syarikat anda atau kaji semula dasar syarikat anda sebelum menggunakan sebarang peranti elektronik atau komunikasi untuk memastikan pematuhan kesemua dasar yang berkenaan.

Penggunaan peribadi lain-lain jenis aset korporat adalah tidak dibenarkan tanpa kebenaran awal daripada presiden, pengurus besar atau ketua pegawai operasi syarikat anda.

MELINDUNGI MAKLUMAT SULIT DAN PROPRIETARI

Sebagai sebahagian daripada pekerjaan anda, anda mungkin mengetahui maklumat sulit atau proprietari mengenai syarikat, pekerja, atau orang lain yang menjalankan perniagaan dengan kita. Anda mesti mengekalkan kerahsiaan yang ketat bagi semua maklumat yang diamanahkan kepada anda, kecuali apabila pendedahan itu dibenarkan oleh RPM atau Penasihat Umum kumpulan operasi anda, atau apabila dikehendaki oleh undang-undang atau peraturan. Maklumat sulit atau proprietari termasuk maklumat bukan umum yang boleh memudaratkan pihak yang memberikannya kepada kita atau mungkin berguna kepada pesaing jika didedahkan. Kewajipan anda untuk memelihara maklumat bukan umum adalah berterusan walaupun selepas anda tidak bekerja lagi di sini.

Syarikat ini selalunya menjadi pihak perjanjian ketakdedahan dengan pelanggan, pembekal, bakal pembeli dan penjual perniagaan, dan lain-lain. Jika anda menerima maklumat sulit atau proprietari entiti yang menjalankan perniagaan dengan kita, sahkan sama ada sebarang perjanjian sedemikian wujud, dan jika ya, anda perlu berhati-hati apabila menggunakan dan melindungi maklumat sulit untuk menjaga daripada pendedahan yang tidak sewajarnya.



Maklumat sulit dan proprietari termasuk data pelanggan, pelan pemasaran perniagaan dan perkhidmatan, reka bentuk, pangkalan data, rekod, maklumat gaji, data dan laporan kewangan yang tidak diterbitkan, dan harta intelek seperti formula produk.

S&J

**MELINDUNGI HARTA DAN PELUANG KORPORAT**

S: Rakan sekerja saya mempunyai lawatan perniagaan dan telah memesan makanan mewah. Dia berfikir bahawa perbelanjaan itu mungkin ditolak atas sebab jumlahnya, jadi dia kata makan malam itu adalah untuk lebih dari satu orang. Bolehkah dia lakukan seperti itu? Bagaimana kalau dia membawa isterinya dan melaporkan semua perbelanjaan untuk mereka berdua itu ke dalam laporan perbelanjaannya?

J: Tidak, dia tidak boleh melakukan kesemua itu. Menghantar laporan perbelanjaan yang terang-terangan tidak betul adalah melanggar prinsip utama integriti kita.

Dalam contoh pertama, menambah ramai orang sebagai tetamu untuk makan dengan berharap agar perbelanjaan diluluskan merupakan penipuan. Dalam contoh kedua, ia tidak wajar untuk membelanjakan sebarang bahagian perjalanan itu yang tidak berkaitan dengan perniagaan. Kehadiran pasangannya adalah tidak diperlukan untuk perniagaan; dan oleh itu, kecuali ia didedahkan secara telus dan diluluskan terlebih dahulu oleh eksekutif korporat yang layak, ia adalah penggunaan aset korporat yang tidak wajar. Menggunakan wang korporat untuk kegunaan peribadi adalah bentuk penipuan yang lain.

S: Saya sedang berehat untuk waktu makan tengah hari, dan saya mahu menggunakan komputer saya untuk membeli bunga buat pasangan saya. Bolehkah saya melakukannya?

J: Ya, jika syarikat operasi membenarkan penggunaan sampingan sebegini. Ini adalah sampingan kerana terdapat sedikit kos atau risiko kepada liabiliti syarikat. Anda juga menggunakan harta semasa waktu rehat tengah hari anda, iaitu masa yang sesuai.

S: Saya meninggalkan syarikat dan memulakan perniagaan salutan dan pengedap saya sendiri. Apabila saya sudah berhenti, bolehkah saya menggunakan formula produk yang saya pelajari untuk mencipta produk saya sendiri?

J: Kemungkinan besar tidak. Bincang dengan jabatan perundangan RPM atau syarikat anda sebelum cuba untuk menggunakan formula tersebut. Formula tersebut adalah sebahagian daripada harta intelek syarikat. Menggunakannya boleh membawa kepada penalti sivil dan mungkin merupakan pelanggaran jenayah untuk mencuri rahsia perdagangan di beberapa bidang kuasa.

S: Tetapi bagaimana jika saya yang mencipta formula itu?

J: Formula yang anda cipta atau terlibat dalam proses reka cipta adalah sebagai sebahagian daripada kerja anda untuk syarikat tersebut, dan di bawah terma pekerjaan anda, syarikat memiliki semua hak untuknya.



Penggunaan atau pengedaran maklumat sulit atau proprietari yang tidak dibenarkan adalah melanggar dasar kita dan boleh menyebabkan hukuman sivil atau jenayah. Untuk melindungi syarikat, elakkan menyiarkan atau membincangkan maklumat sulit, kewangan atau proprietari di laman media sosial. Selain itu, elakkan perbincangan mengenai maklumat sensitif di mana orang lain boleh mendengarnya, seperti di tempat awam.



Apakah “Data Peribadi”?

“Data Peribadi” termasuk apa-apa maklumat yang boleh digunakan untuk mengenal pasti seseorang secara langsung atau tidak langsung. Untuk keterangan terperinci mengenai data peribadi, sila semak Dasar Perlindungan Data Global RPM dan panduan mengenai GDPR.



Melindungi Privasi dan Kepentingan Keselamatan Setiap Orang

Rakan niaga pekerja dan bukan pekerja yang bertindak bagi pihak syarikat boleh mempunyai akses kepada Data Peribadi. Pendedahan yang salah tentang Data Peribadi boleh menjejaskan kewangan dan keselamatan pelanggan, pembekal dan pekerja, dan dengan itu, ia perlu dilindungi pada setiap masa.

Kita perlu berhati-hati apabila melakukan pemindahan Data Peribadi atau maklumat korporat; kebanyakan negara mempunyai undang-undang

yang menyekat pemindahan atau pendedahan Data Peribadi, walaupun pemindahan itu dibuat kepada individu atau entiti yang akan melindunginya dan menggunakannya untuk tujuan yang sah. Jika anda mempunyai keraguan tentang sama ada anda dibenarkan untuk memindahkan Data Peribadi atau maklumat korporat, sila semak Dasar Perlindungan Data Global RPM dan panduan tentang GDPR, atau hubungi jabatan perundangan syarikat atau RPM anda.



Dasar Perlindungan Data Global RPM dan panduan yang sama boleh didapati di <https://www.rpminc.com/vepolicies/>



S&J

PERLINDUNGAN DATA PERIBADI DAN MAKLUMAT SULIT

Senario: Saya menerima e-mel daripada jabatan pembelian pelanggan. E-mel tersebut kelihatan sah dan mempunyai logo syarikat pelanggan di atasnya.

Saya tidak mengenali nama orang yang menghantar e-mel itu, tetapi dia mengatakan syarikatnya mahu memindahkan wang kepada kita untuk produk yang dibeli daripada kita. Saya mahu menguruskan pelanggan kita secepat yang mungkin, tapi berdasarkan maklumat terhad yang saya ada tentang pelanggan itu, saya berasa tidak selesa untuk memberikan nombor laluan akaun bank dan nombor akaun syarikat kita melalui e-mel. Adakah saya melakukan perkara yang betul?

Kewajipan Anda: Sudah tentu. E-mel tersebut mungkin bukan daripada salah seorang pelanggan kita dan mungkin daripada seseorang yang cuba untuk mendapatkan maklumat perbankan syarikat untuk mencuri daripada kita. Ia mengagumkan bahawa anda ingin memberi khidmat pelanggan yang hebat, tetapi keraguan anda adalah sesuai. Penjenayah akan menggunakan kehendak pekerja kita untuk menyediakan khidmat pelanggan yang hebat untuk memujuk para pekerja mendedahkan maklumat yang akan digunakan untuk membahayakan syarikat kita.

Jangan beri maklumat sensitif kewangan atau sulit kepada sesiapa sahaja melainkan anda benar-benar yakin siapa individu itu dan dia mempunyai kuasa untuk memiliki maklumat itu. Tambahan lagi, jangan sesekali menghantar atau membincangkan maklumat sulit, kewangan, atau proprietari di laman media sosial. Jika anda mempunyai sebarang keraguan mengenai orang yang mencari maklumat, hubungi seseorang yang mengenali individu itu atau yang boleh mengesahkan bahawa individu itu sedang membuat permintaan yang sah. Selain itu, sulitkan atau lindungi data kewangan, peribadi atau sulit dengan kata laluan apabila memindahkannya melalui media elektronik.

S: Seseorang yang saya tidak ketahui daripada syarikat operasi yang lain ada membuat panggilan bertanyakan tarikh lahir pengurus peringkat pertengahan. Rupa-rupanya, pengurus kami akan melakukan perjalanan ke syarikat operasi cawangan lain dan pemanggil itu mahu membeli tiket penerbangan untuk pekerja kami. Agensi pelancongan memerlukan tarikh lahir pekerja untuk menempah perjalanan itu. Saya mempunyai akses kepada maklumat itu, tetapi oleh kerana saya tidak mengenali orang yang membuat panggilan tersebut, saya tidak memberikan maklumat itu kepadanya. Saya tidak melakukan perkara yang salah, bukan?

J: Anda melakukan perkara yang betul. Anda tidak mengenali pemanggil itu, maka anda tidak mengetahui jika pemanggil bekerja secara sah untuk syarikat operasi RPM yang lain. Walaupun jika pemanggil itu bekerja untuk syarikat operasi RPM, anda tidak tahu jika dia mempunyai kuasa untuk menerima maklumat itu dan akan menggunakannya untuk tujuan yang sah. Hanya dedahkan maklumat Data Peribadi atau sulit jika semua perkara berikut dikenakan: (1) Anda tahu atau telah mengesahkan identiti orang yang meminta maklumat itu; (2) anda tahu bahawa orang itu mempunyai keperluan untuk mengetahui dan memiliki maklumat itu; (3) anda tahu bahawa orang itu akan melindungi maklumat itu; (4) anda memberikan maklumat dalam format yang selamat, dan (5) pemindahan data mematuhi undang-undang yang berkenaan dan selaras dengan Dasar Perlindungan Kata Laluan RPM, serta privasi data RPM dan panduan GDPR.



Komitmen kepada Orang Ramai & KOMUNITI

Melindungi
Kesihatan,
Keselamatan dan
Persekitaran Kita

Kita semua mempunyai tanggungjawab untuk menjalankan perniagaan dengan cara yang boleh melindungi alam sekitar dan kesihatan dan keselamatan pekerja, kontraktor, pembekal, pengedar, pelanggan, pengguna, komuniti dan orang ramai.

Kemudahan kita mesti mematuhi undang-undang yang berkenaan tentang alam sekitar, kesihatan dan keselamatan dan mengekalkan dialog terbuka dengan masyarakat tempatan mengenai bahan-bahan yang dikeluarkan dan dikendalikan di tapak. Kita juga akan bekerjasama dengan pihak berkuasa kerajaan, kumpulan industri dan orang awam untuk menggalakkan program kesedaran dan tindak balas kecemasan bagi menangani bahaya yang berpotensi.



KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR

Senario: Peraturan-peraturan dari pihak berkuasa air tempatan menjadi lebih tegas pada setiap tahun. Kilang anda telah menugaskan dua pekerja sepenuh masa untuk merawat air proses sebelum pelepasan, hanya untuk menyelenggara-kadangnya. Kadang-kadang ia menjadi sangat sibuk dan pekerja-pekerja tersebut harus bekerja untuk tugas pengeluaran yang lain.

Penyelia pengeluaran dikehendaki mengambil sampel harian dan mengemukakan laporan suku tahunan kepada pihak berkuasa air untuk menunjukkan pematuhan peraturan. Walaupun air tidak dirawat dengan teratur setiap hari, dia memutuskan untuk menulis beberapa nombor di dalam laporan bagi hari-hari yang terlepas. Dia tidak mahu orang lain mendapat masalah dan menganggap tidak ada sesiapa yang membaca laporan tersebut.

Kewajipan Anda: Ini adalah pelanggaran serius terhadap Prinsip Teras kita. Kemudahan kita mestilah mematuhi semua undang-undang alam sekitar dan semua laporan mesti disediakan dengan cara yang benar. Mencuba untuk menyelamatkan rakan sekerja daripada masalah bukanlah alasan. Tindakan ini boleh mendedahkan syarikat itu kepada liabiliti yang besar. Peraturan mungkin ketat, tetapi ia bertujuan untuk melindungi orang awam daripada bahaya kesihatan dan mengekalkan air yang bersih.

Laporan palsu hendaklah dilaporkan dengan serta-merta kepada Pengurus Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan (EH&S) syarikat anda atau ahli lain pengurusan kanan syarikat anda. Membawa perkara ini kepada pengurusan atasan akan memastikan bahawa syarikat kita boleh mengambil tindakan pembetulan yang sesuai. Ia juga meningkatkan komitmen RPM untuk menjaga keselamatan masyarakat dan memperkukuhkan kepentingan the Value of 168.





Melayan Semua Dengan Hormat dan Bermaruah

Semua pekerja kita, dan mereka yang mencari pekerjaan, akan menerima peluang yang sama berkaitan dengan pengambilan pekerja, keadaan bekerja, program latihan, kenaikan pangkat dan syarat-syarat pekerjaan yang lain. Amalan diskriminasi tidak diterima.

Kita semua berkongsi tanggungjawab untuk memastikan bahawa tempat kerja adalah bebas daripada gangguan dalam suasana kerja harian dan persekitaran di luar tempat kerja yang berkaitan dengan kerja, sama ada oleh pekerja RPM, syarikatnya, pembekal, pelanggan; atau rakan kongsi niaga bukan pekerja dengan siapa pekerja kita berinteraksi. Ringkasnya, kita tidak boleh bertolak ansur, di bawah apa jua keadaan, terhadap sebarang gangguan mengenai jantina, umur, kecacatan, negara asal, kaum, warna kulit, agama, status perkahwinan, keutamaan seksual, identiti jantina, status ketenteraan semasa atau veteran, atau sebarang ciri-ciri yang lain. Anda mesti menunjukkan keberanian moral untuk menghentikan dan melaporkan gangguan, walaupun anda bukan sasarannya.

BERTANGGUNGJAWAB SECARA SOSIAL

Semua pekerja mestilah bertanggungjawab secara sosial dan mematuhi piawaian hak asasi manusia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Kita harus menjalankan pematuhan piawaian yang munasabah terhadap vendor, pelanggan dan penasihat kita, dan kita mengharapkan semua yang mempunyai hubungan dengan kita untuk menahan diri, dan tidak bertoleransi terhadap buruh kanak-kanak atau hamba dan pemerdagangan manusia. Sekiranya pekerja mempunyai kebimbangan bahawa seseorang yang berurusan dengan kita dalam perniagaan menggunakan buruh kanak-kanak atau hamba atau terlibat di dalam pemerdagangan manusia, pekerja itu mestilah melaporkan kebimbangan tersebut kepada penyelia atau jabatan perundangan RPM.



S: Saya perhatikan bahawa salah satu daripada penyelia pengeluaran kami kerap membuli salah seorang pekerja, menggelarnya pemalas dan bodoh apabila dia membuat kesilapan kecil. Pekerja itu ketawa, tetapi saya tahu ia membuatnya berasa kurang senang, dan ia juga mengecewakan saya. Kami sama-sama takut untuk mengatakan apa-apa kerana kami tidak mahu kehilangan pekerjaan kami. Apakah yang perlu kami lakukan?

J: Prinsip Teras kita menghendaki kita memperlakukan semua orang dengan bermaruah dan rasa hormat, sama ada melibatkan kegiatan dan tindakan rakan sekerja di peringkat yang sama atau di antara penyelia dan orang bawahan. Selalunya, orang berfikir gangguan di tempat kerja sama ada bersifat seksual atau perkauman. Tetapi gangguan boleh banyak terjadi dalam banyak bentuk, termasuk jenis komen-komen yang merendahkan seseorang yang anda saksikan. Oleh itu, anda harus menangani situasi ini dengan cara yang sama seperti anda mungkin menangani gangguan seksual.

Pertama sekali, beritahu penyelia tersebut bahawa komen-komen itu adalah menyinggung perasaan dan minta dia untuk berhenti. Jika anda rasa anda tidak boleh melakukannya, atau jika anda melakukannya dan gangguan tersebut berterusan, anda harus melaporkan keadaan itu kepada bos penyelia atau kepada jabatan Sumber Manusia. Jika ia tidak berkesan, anda boleh terus melaporkannya terus "up the chain" kepada pengurusan kanan di syarikat; atau anda boleh menghubungi Talian Penting RPM dan melaporkannya tanpa nama di sana. Sentiasa ingat bahawa RPM mempunyai dasar tiada tindakan balas yang ketat. Penyelia atau syarikat anda tidak boleh membuat tindakan balas terhadap anda atas sebab melaporkan pelanggaran nilai-nilai kita dengan jujur.

Tanggungjawab Keusahawanan

Apabila kita memperjuangkan kepentingan RPM di pasaran global dan berinteraksi dengan rakan kongsi perniagaan, masyarakat, pembekal, pesaing dan kerajaan, kita hendaklah dengan tegas mematuhi the Value of 168 dan prinsip teras asasnya iaitu, Integriti, Komitmen, Tanggungjawab Keusahawanan dan Keberanian Moral. Anda mesti mengelakkan situasi yang mungkin menyebabkan kelakuan yang tidak wajar. Jangan sekali-kali mengambil kesempatan ke atas sesiapa melalui sebarang amalan yang tidak adil.

Mengekalkan Rekod yang Tepat, Lengkap dan Telus

Kami akan sentiasa mengekalkan semua rekod kita dengan penuh kejujuran. Sentiasa sediakan dan kekalkan buku, rekod, akaun dan penyata kewangan secara teratur, terperinci, tepat dan benar. Anda mestilah bekerjasama dengan juruaudit dalaman dan bebas RPM, dan anda dan orang lain tidak boleh cuba untuk memaksa, memanipulasi, mengelirukan atau mempengaruhi mereka dengan menipu.

Semua pekerja, pengarah dan pegawai yang terlibat dalam proses pendedahan syarikat - termasuk, dan tidak terhad kepada Ketua Pegawai Eksekutif RPM, Ketua Pegawai Kewangan, Pegawai Perakaunan Utama, Pengawal atau orang yang melaksanakan fungsi yang sama di syarikat-syarikat operasi ("Pegawai Kewangan Kanan") - diperlukan untuk mengetahui dan mematuhi kawalan dan prosedur pendedahan syarikat. Mereka juga perlu membiasakan diri dengan kawalan dalaman ke atas pelaporan kewangan yang berkaitan dengan bidang tanggungjawab mereka bagi memastikan laporan awam dan dokumen syarikat dibentangkan secara adil, tepat dan selaras dengan undang-undang sekuriti persekutuan A.S., peraturan-peraturan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa (SEC), Prinsip Perakaunan yang Diterima Secara Umum, dan undang-undang laporan kewangan tempatan yang berkaitan.





Sesiapa yang mempunyai kuasa langsung atau penyeliaan mengenai pemfailan SEC, penyerahan atau komunikasi awam yang lain berkaitan dengan perniagaan am, keputusan, keadaan kewangan atau prospek RPM atau mana-mana syarikat operasinya hendaklah, apabila perlu, berunding dengan pegawai lain dan pekerja yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut dan mengambil langkah yang sesuai mengenai pendedahan ini. Matlamat pendedahan adalah lengkap, adil, tepat, pada masanya dan dapat difahami.

Sebarang isu atau perkara berkenaan hal perakaunan, kawalan perakaunan dalaman atau pengauditan, atau sebarang pelanggaran bahan untuk mana-mana undang-undang sekuriti, mestilah dilaporkan mengikut Dasar Kejadian Boleh Dilaporkan RPM atau yang dinyatakan di muka surat 34, 35 dan pada halaman belakang buku panduan ini.

Dasar Kejadian Boleh Dilaporkan RPM boleh didapati di <https://www.rpminc.com/vepolicies/>



Kesemua pekerja, termasuk Pegawai Kewangan Kanan RPM dan syarikat operasinya, mesti:

- Bertindak secara beretika dan dengan jujur dan berintegriti.
- Mengendalikan konflik sebenar atau ketara antara hubungan peribadi dan profesional dengan sewajarnya.
- Menggalakkan pendedahan lengkap, adil, tepat, tepat pada masanya dan boleh difahami dalam semua laporan dan dokumen syarikat yang digunakan untuk berkomunikasi atau difailkan secara terbuka dengan mana-mana agensi kerajaan.
- Menggalakkan pematuhan undang-undang, aturan dan peraturan persekutuan, negeri dan kerajaan tempatan dan agensi swasta dan peraturan awam yang berkenaan.
- Tidak boleh sengaja memberi gambaran yang salah, atau menyebabkan orang lain mendapat gambaran yang salah, fakta mengenai syarikat, termasuk kepada juruaudit bebas syarikat, pengawal selia kerajaan dan organisasi kawal selia sendiri.
- Segera melaporkan sebarang pelanggaran atau pelanggaran yang disyaki dengan menggunakan talian penting atau menghubungi Ketua Pegawai Pematuhan RPM mengikut peraturan dan prosedur yang ditetapkan dalam buku panduan ini atau di bawah Dasar Kejadian Boleh Dilaporkan RPM.

Hanya Gunakan Maklumat Awam Untuk Membuat Keputusan Dagangan Pasaran Saham

Apabila berdagang dalam pasaran saham, kita hanya boleh membeli atau menjual saham RPM atau mana-mana syarikat lain apabila keputusan perdagangan itu dibuat menggunakan maklumat awam. Perdagangan mana-mana saham menggunakan bahan maklumat bukan awam boleh menyalahi undang-undang, dan dalam semua kes, ia

melanggar nilai dan harapan kita. Anda tidak boleh menggunakan orang lain untuk membeli atau menjual saham bagi pihak anda bagi mengelak peraturan ini. Jangan berkongsi maklumat bukan umum dengan seseorang yang boleh mengambil kesempatan daripadanya.

Jika anda tidak pasti tentang peraturan yang melibatkan pembelian atau

penjualan saham semasa dalam pemilikan material maklumat bukan awam, sila rujuk Penasihat Undang-undang RPM. Jika anda mengetahui ketidakpatuhan yang sebenar atau berpotensi dengan mana-mana aturan atau peraturan tersebut, maklumkan Ketua Pegawai Pematuhan RPM dengan segera atau hubungi talian penting untuk membuat laporan tanpa nama.



Apakah yang dimaksudkan dengan “tip” apabila ia berkaitan dengan perdagangan orang dalam?

Pekerja dilarang memberikan maklumat sulit atau maklumat “dalaman” kepada rakan atau ahli keluarga dalam keadaan yang menunjukkan anda cuba untuk membantu seseorang membuat keuntungan atau mengelakkan kerugian dalam pasaran saham. Maklumat tersebut dianggap sebagai tip dan boleh menyalahi undang-undang jika digunakan untuk kelebihan seseorang.

Mendapatkan “tip” boleh mendedahkan anda kepada hukuman sivil atau jenayah.



Elakkan Situasi yang Boleh Dilihat sebagai Rasuah

Kita mesti menjadi usahawan yang bertanggungjawab dan sentiasa berketelakuan dengan integriti tertinggi dan keberanian moral. Dengan itu, kita tidak boleh membenarkan diri kita untuk terlibat dalam sebarang aktiviti yang mungkin kelihatan seperti rasuah. Anda tidak boleh menerima, memberi atau menawarkan sebarang benda bernilai, termasuk hadiah dan hiburan yang nyata, jika tujuannya adalah untuk mempengaruhi kelebihan yang tidak wajar dalam perniagaan, atau untuk keuntungan seseorang atau entiti yang terlibat atau terikat dengan pembayaran. Tidak kira sama ada anda atau individu atau entiti yang terbabit bertindak secara langsung atau tidak langsung atau mendapat manfaat daripada urusan niaga yang secara langsung atau tidak langsung. Tetaplah berwaspada dan gunakan usaha yang munasabah bagi memastikan bahawa mereka yang melakukan perniagaan dengan kita itu tidak terlibat dalam tindakan bagi pihak anda atau syarikat untuk melaksanakan secara tidak langsung apa yang anda tidak dapat lakukan secara langsung. Anda, syarikat anda dan RPM mungkin bertanggungjawab untuk

pembayaran menyalahi undang-undang.

Nilai dan Harapan 168 menghendaki anda mengenal pasti sebarang bayaran atau hadiah yang dibuat atau diterima bagi pihak RPM atau syarikat anda dengan terperinci. Urus niaga ini mestilah didedahkan secara telus dalam laporan perbelanjaan anda dan dalam buku dan rekod korporat.

Jika anda ragu-ragu sama ada bayaran, hadiah atau hiburan adalah sesuai, atau tidak pasti cara untuk membuat catatan urusan niaga dalam buku korporat dan rekod anda dengan betul, dapatkan nasihat undang-undang daripada jabatan perundangan syarikat anda atau RPM.



Peraturan mudah bagi bayaran:

- Rasuah dalam apa jua bentuk adalah tidak dibenarkan.
- Tidak ada nilai boleh ditawarkan atau diterima jika ia bertujuan untuk mendorong sesiapa sahaja untuk memberikan seseorang itu kelebihan yang tidak wajar.
- Memudahkan pembayaran (pembayaran yang dibuat kepada pegawai kerajaan untuk mempercepatkan tindakan kerajaan rutin) tidak dibenarkan kecuali diluluskan terlebih dahulu secara bertulis oleh Penasihat Umum RPM.
- Semua buku dan rekod korporat mesti mengandungi semua sifat, jumlah dan tujuan sebenar pembayaran yang dibuat atau diterima.



**BERIKUT ADALAH BEBERAPA
CONTOH SITUASI YANG
MEMERLUKAN SIASATAN LANJUT
ATAU NASIHAT UNDANG-UNDANG:**

Orang yang menawarkan, memberi atau menerima pembayaran:

- Mempunyai hubungan keluarga atau perniagaan dengan pegawai kerajaan
- Mempunyai reputasi yang buruk dalam komuniti perniagaan, atau kelihatan seperti mempunyai sumber yang tidak mencukupi untuk melaksanakan perkhidmatan yang ditawarkan
- Meminta identitinya dirahsiakan, atau tidak dapat memberikan rujukan untuk mendokumenkan pengalaman
- Menambah atau meminta wang tambahan selain bayaran biasa atau bayaran standard industri untuk produk atau perkhidmatan
- Enggan untuk memberikan resit bagi perbelanjaan yang boleh dikembalikan
- Meminta terma bayaran yang pelik dan tidak normal.



S&J

S: Syarikat kami memulakan operasi pembuatan di negara baru. Saya telah diberi tarikh akhir supaya kilang baharu kami beroperasi dalam masa 90 hari. Kami mempunyai banyak pesanan, dan pelanggan sudah menunggu dengan sabar sementara kami menyiapkan kilang. Perkara terakhir yang perlu dilakukan adalah untuk mendapatkan permit operasi alam sekitar untuk kilang tersebut.

Apabila saya pergi untuk memohon permit di laman web negara itu, ia mengatakan bahawa ia akan mengambil masa selama enam bulan untuk mendapatkan permit. Laman web itu juga mengatakan bahawa saya harus menghubungi nombor bebas tol untuk “pemprosesan permit dipercepatkan.” Saya menghubungi talian itu. Pegawai yang menjawab panggilan saya mengatakan bahawa saya boleh mendapatkan permit itu dalam 60 hari jika saya membayar tambahan \$500. Dia memberi saya akses ke bahagian khas laman web tersebut di mana saya boleh memasukkan maklumat kad kredit syarikat saya. Saya tidak pasti apa yang patut dilakukan.

J: Anda perlu menyemak dengan jabatan perundangan syarikat anda atau RPM sebelum meneruskannya. Disebabkan maklumat ini berasal dari laman web rasmi kerajaan dan kelihatan seperti proses formal yang ditawarkan kepada semua orang, ia mungkin sah. Walau bagaimanapun, ia adalah idea yang baik untuk mendapatkan nasihat sebelum bertindak, dan oleh sebab ia adalah bayaran pemudahan yang mungkin, kelulusan Penasihat Undang-undang RPM diperlukan.

MELAPORKAN PERJALANAN, PENGINAPAN, MAKANAN DAN HIBURAN DENGAN BETUL

Pembayaran dan penggantian bayaran perniagaan untuk penginapan, perjalanan, makanan dan hiburan harus diperhatikan dengan teliti bagi memastikan ia tidak dianggap sebagai hadiah, atau lebih teruk lagi, pembayaran yang tidak sesuai. Perjalanan, penginapan, makanan dan hiburan boleh menjadi perbelanjaan perniagaan (bukan hadiah) jika semua yang berikut terguna pakai: Perbelanjaan itu adalah (1) munasabah, (2) berkadar dan bersambung secara langsung kepada transaksi perniagaan bona fide, dan (3) ia didokumentasikan dalam rekod syarikat dengan betul dan terperinci.

Contoh urus niaga perniagaan bona fide termasuk demonstrasi produk, promosi dan penerangan. Perjalanan dan penginapan yang khusus untuk tujuan hiburan peribadi adalah bukan perbelanjaan bona fide dan dilarang tanpa kelulusan awal daripada Penasihat Undang-undang syarikat atau RPM.

Perjalanan, Penginapan, Makanan, Hadiah dan Hiburan

PERTUKARAN HADIAH DENGAN BETUL

Hadiah adalah apa-apa nilai yang tidak berkaitan secara langsung dan seimbang dengan kepentingan perniagaan yang sah. Ia boleh ketara atau tidak ketara dan mungkin termasuk makanan, hiburan, perkhidmatan, perjalanan atau penginapan. Ia mungkin memberikan manfaat secara langsung atau tidak langsung kepada penerima.

Pekerja perlu berhati-hati semasa bertukar-tukar hadiah dengan mana-mana orang atau entiti yang berinteraksi dengan syarikat kita.

Hadiah antara pekerja syarikat dan mereka yang berinteraksi dengan kita boleh mewujudkan kejanggalan atau konflik kepentingan, boleh disalah tafsir sebagai rasuah, dan jika berlebihan, boleh menjadi bayaran yang tidak wajar atau menyalahi undang-undang.

Sekatan berikut dikenakan semasa bertukar-tukar hadiah dengan individu atau entiti yang menjalankan

perniagaan dengan RPM atau mana-mana syarikatnya.

- Jangan menawarkan atau menerima hadiah yang disyaratkan atau yang mungkin tersirat untuk disyaratkan atas apa-apa perbuatan.
- Jangan meminta hadiah.
- Jangan memberi atau menerima hadiah wang tunai atau setara dengan nilai wang tunai, seperti kad kredit prabayar/cek/kiriman wang.
- Jangan menawarkan atau menerima hadiah yang mewah.
- Jangan menawarkan atau menerima hadiah yang kerap, walaupun jumlah hadiah individu adalah kecil nilainya.
- Jangan terlibat dalam pertukaran hadiah yang tersembunyi atau rahsia.
- Jangan menawarkan sebarang hadiah kepada pegawai atau entiti kerajaan (kecuali hadiah bernilai nominal seperti topi logo syarikat atau barangan yang serupa).
- Jangan memberi kepada, atau menerima hadiah



daripada badan amal yang terlibat dalam urus niaga perniagaan untuk keuntungan yang memberi manfaat kepada mana-mana syarikat RPM.

- Jangan menggunakan dana korporat untuk membuat hadiah yang berdasarkan hubungan peribadi.
- Jangan memberi atau menerima hadiah perjalanan dan penginapan tanpa kelulusan awal daripada Penasihat Undang-undang syarikat anda atau RPM.
- Jangan memberi atau menerima hadiah jika berbuat demikian adalah melanggar dasar ini atau dasar organisasi pihak lain.



Berikut adalah tindakan yang boleh diterima yang berkaitan dengan hadiah:

- Dalam banyak keadaan, hadiah sewajarnya ditolak dengan baik. Dalam keadaan luar biasa, di mana hadiah tidak boleh ditolak kerana apabila menolak hadiah tersebut akan dianggap tidak sesuai, kurang sopan, atau memalukan orang atau entiti yang menyediakan hadiah itu secara peribadi atau menurut budaya, beritahu Penasihat Undang-undang RPM dengan segera sebaik sahaja selepas penerimaan. Jika sesuai, hadiah boleh dipamerkan dan/atau dikongsi oleh pekerja syarikat, atau ia boleh didermakan kepada organisasi kebajikan. Tambahan, memorandum yang sesuai dalam buku dan rekod syarikat mesti dibuat untuk menjelaskan keadaan sekeliling mengenai pertukaran hadiah, nilai anggaran hadiah yang berpatutan dan pelupusan akhir hadiah itu.
- Jika diberi atau diterima bagi pihak RPM atau salah satu syarikatnya, hadiah mesti didokumenkan dengan betul dan secara terbuka.



S: Jabatan jualan kami merancang perjalanan lima hari ke Cancun, Mexico, dan akan menjemput pelanggan yang ada dan berpotensi. Syarikat membayar semua perbelanjaan.

Perjalanan itu dijelaskan sebagai persidangan latihan untuk produk syarikat dan akan ada satu jam sehari latihan mengenai agenda. Di luar pembentangan skrin satu jam pada setiap hari, tiada bahan latihan lain yang disediakan. Baki masa yang ada di Cancun adalah untuk bersantai dan bergembira, seperti lawatan dan makan. Adakah ini perbelanjaan yang sesuai?

J: PERHATIAN: Ini mungkin “bayaran yang tidak sesuai,” atau dikenali sebagai rasuah. Perjalanan ini tidak akan dianggap sebagai perbelanjaan perniagaan kerana kos tinggi yang tidak munasabah atau berkaitan secara langsung dan seimbang dengan tujuan perniagaan bona fide. Walaupun ia dipanggil persidangan “latihan”, jumlah masa yang singkat dan kekurangan bahan yang dibelanjakan untuk latihan adalah tidak seimbang berbanding sepanjang perjalanan itu; dan kos perjalanan adalah tidak munasabah berbanding dengan jumlah latihan yang disediakan.

Perjalanan mungkin tidak dilihat sebagai hadiah, tetapi boleh ditafsirkan sebagai pembayaran yang tidak sesuai. Hadiah tidak boleh terlalu mewah atau mahal dan tidak boleh terikat dengan jangkaan menerima layanan yang istimewa daripada penerima. Anda harus selalu mempertimbangkan kos hadiah kepada syarikat, serta nilai hadiah dan hubungan anda dengan pihak yang menerima hadiah tersebut. Dalam keadaan ini, kedua-dua kos perjalanan ke syarikat dan faedah kepada penerima adalah tinggi.

Di samping itu, kehadiran pelanggan “berpotensi” menimbulkan kemungkinan bahawa pihak ketiga seperti kerajaan atau juruaudit, mungkin melihat perjalanan sebagai “rasuah” yang bertujuan untuk mempengaruhi pelanggan berpotensi untuk membeli produk anda atau memberi anda layanan istimewa. Undang-undang rasuah tidak terhad kepada pegawai awam; ia juga boleh dikenakan kepada urus niaga swasta. Oleh sebab kadang-kadang ia sukar untuk menentukan apakah hadiah yang sesuai dengan pembayaran yang tidak sesuai, apa-apa bayaran atau pembayaran balik kepada pekerja syarikat bukan RPM untuk perjalanan atau penginapan harus diluluskan terlebih dahulu oleh Penasihat Undang-undang syarikat anda atau RPM.



Faktor yang boleh dipertimbangkan dalam semua keadaan, sama ada pekerja itu memberi atau menerima hadiah:

- (1) Adakah seseorang yang munasabah dan berhati-hati dalam komuniti itu melihat hadiah itu sebagai keterlaluan? Jika ya, maka hadiah itu tidak boleh ditawarkan, diberikan atau diterima.
- (2) Adakah seseorang yang munasabah dalam komuniti itu melihat keadaan sekeliling, atau majlis untuk memberi atau menerima hadiah itu wajar? Jika tidak, maka hadiah itu tidak boleh ditawarkan, diberikan atau diterima.
- (3) Apakah kekerapan hadiah ditukar antara pekerja atau syarikat dan entiti atau pekerja pihak rundingan? Bahkan hadiah bernilai kecil yang ditukarkan dengan kekerapan keterlaluan boleh menyebabkan keadaan di mana seseorang yang munasabah dalam komuniti itu melihat urusniaga seperti itu berlaku untuk tujuan yang tidak sesuai atau untuk tujuan mempengaruhi penerima agar bertindak dengan cara yang korup.



Garis panduan asas untuk pembayaran perniagaan untuk perjalanan, penginapan, makanan dan hiburan:

- Bayaran mestilah berkadar secara langsung dan seimbang dengan tujuan perniagaan yang sah.
- Bayaran mestilah dibenarkan oleh undang-undang tempatan.
- Semua pembayaran yang dibuat dan diterima mesti dikenal pasti secara terbuka dan terperinci dalam rekod kewangan syarikat.
- Hanya dana korporat boleh digunakan untuk membayar kos perjalanan, penginapan, makanan dan hiburan yang berkaitan dengan tujuan perniagaan yang sah. Bayaran penginapan dan perjalanan hanya dibenarkan jika terikat dengan tujuan perniagaan yang sah. (Penginapan dan perjalanan tidak boleh menjadi hadiah, melainkan sudah diluluskan lebih awal secara bertulis oleh Penasihat Undang-undang syarikat anda atau RPM.)
- Makanan dan hiburan boleh menjadi hadiah jika tidak terikat dengan perbelanjaan perniagaan yang sah. (Peraturan hadiah akan dikenakan).
- Tiada bayaran balik tunai untuk makanan, penginapan, perjalanan dan hiburan yang boleh diterima atau diberikan.
- Bayaran secara langsung kepada atau daripada individu perlu dielakkan. Jika membayar balik seseorang untuk perbelanjaan perjalanan, makanan, penginapan dan hiburan, syarikat anda perlu membayar balik kepada majikan individu, dan individu tersebut boleh mendapatkan bayaran balik daripada majikan mereka. Prosedur sama digunakan jika anda adalah salah seorang yang dibayar balik.
- Jangan gunakan dana korporat untuk membayar hadiah peribadi. (Ambil perhatian bahawa sebarang hubungan peribadi akan mewujudkan konflik kepentingan yang mesti dilaporkan.)

Jika anda mempunyai sebarang keraguan sama ada memberi atau menerima hadiah atau sama ada bayaran perbelanjaan perniagaan adalah sesuai, rujuk kepada jabatan perundangan syarikat operasi anda atau RPM.





S: Syarikat saya membangunkan produk baru dan kami mahu menunjukkan pelanggan utama kami tentang kelebihanannya berbanding produk yang sedia ada. Bolehkah kami menerbangkan pelanggan ke kemudahan kami atas perbelanjaan kami untuk menunjukkan produk?

J: Sudah tentu. Anda boleh membayar untuk perjalanan, penginapan dan makanan, selagi perbelanjaan tersebut berkadar secara langsung dan seimbang dengan demonstrasi produk anda atau untuk tujuan perniagaan sah yang lain. Jika standard itu dipenuhi, bayaran itu adalah perbelanjaan perniagaan dan bukannya hadiah.

S: Pengurus jualan untuk pelanggan antarabangsa bukan kerajaan mahu terbang dalam kelas perniagaan dan membawa suaminya. Apa yang perlu saya buat?

J: Anda perlu mengekalkan perbelanjaan perjalanan beliau seimbang dengan apa yang anda biasa bayar bagi perkara yang sama. Apabila meliputi perbelanjaan perjalanan, penginapan, makanan dan hiburan untuk bukan pekerja, ia hanya meliputi apa yang anda dibolehkan untuk pekerja anda. Jika anda akan membayar perjalanan penerbangan antarabangsa pengurus anda dalam kelas perniagaan, anda boleh membayar tiket kelas perniagaan untuk pelanggan anda yang juga seorang pengurus; jika tidak, anda tidak sepatutnya berbuat demikian. Kehadiran pasangannya adalah tidak berkaitan terus kepada promosi produk anda, jadi syarikat tidak perlu membiayai lawatannya. Anda boleh mempertimbangkan sama ada membayar perbelanjaan perjalanan pasangan akan memenuhi standard dasar hadiah, tetapi semua hadiah untuk perjalanan dan penginapan harus diluluskan terlebih dahulu oleh Penasihat Undang-undang syarikat anda atau RPM.

S: Demonstrasi produk kami hanya berlangsung selama sehari, tetapi kebanyakan pelanggan kami bermalam. Bolehkah kami membawa mereka ke permainan bola atau muzium atas perbelanjaan kami?

J: Boleh. Sama seperti perjalanan, makanan dan perbelanjaan penginapan, perbelanjaan hiburan boleh dibayar oleh syarikat jika ia berkadar secara langsung dan seimbang dengan demonstrasi produk. Walau bagaimanapun, perbelanjaan hiburan

tidak boleh berlebihan dan perlu kekal seimbang dengan perbelanjaan biasa yang berkaitan dengan tujuan perniagaan.

S: Pelanggan lain membawa isterinya dan mereka mahu menginap untuk bercuti. Bolehkah kami membayar bil mereka selama seminggu?

J: Tidak. Anda hanya boleh membayar untuk malam yang pelanggan anda perlu bermalam berhubung dengan demonstrasi produk anda. Asalkan kadar untuk perbelanjaan tiket pergi balik untuk minggu adalah sama dengan perbelanjaan tiket semalaman yang diperlukan untuk demonstrasi produk, anda boleh membayar keseluruhan tiket untuk pelanggan. Walau bagaimanapun, bayaran untuk tiket pasangan pelanggan anda, atau bayaran untuk malam tambahan penginapan, makanan dan hiburan untuk pelanggan dan isterinya, adalah tidak berkaitan secara langsung dengan demonstrasi produk, dan dengan itu, bayaran perbelanjaan ini adalah tidak dijamin melainkan jika pematuhan ketat kepada peraturan hadiah membenarkan sebarang pembayaran tersebut dan hadiah itu telah diluluskan oleh jabatan perundangan syarikat anda.

Sebagaimana yang ditunjukkan oleh contoh, apa yang bermula sebagai perbelanjaan perniagaan yang berkadar secara langsung dan seimbang dengan tujuan perniagaan yang sah boleh bertukar menjadi senario hadiah. Pembayaran berpotensi menjadi terlalu mewah dan bertukar kepada bayaran tidak sesuai yang melanggar undang-undang antirasuah dan nilai serta harapan kita. Apabila berhadapan dengan keadaan ini atau keadaan yang serupa, hubungi jabatan perundangan syarikat anda atau RPM dan dapatkan nasihat sebelum membuat pembayaran atau membayar balik perbelanjaan. Fakta dan keadaan yang menyokong sebarang pembayaran adalah kritikal. Oleh itu, senario ini juga menunjukkan mengapa ia penting untuk mengenal pasti perbelanjaan perniagaan yang sah dengan betul dan telus.

Bertindak dalam Cara yang Menggalakkan Persaingan Terbuka

RPM dan syarikat kita komited untuk bersaing bersungguh-sungguh dalam semua aspek perniagaan, tetapi hanya akan berbuat demikian dengan cara yang beretika dan bertanggungjawab. Sebagai usahawan yang bertanggungjawab, kita komited untuk memastikan persaingan dalam pasaran bagi produk dan

perkhidmatan dikekalkan dan dilindungi. Tiada pekerja RPM atau syarikat operasinya yang boleh mengambil sebarang tindakan bagi pihak syarikat yang melanggar prinsip ini. Oleh itu, anda tidak boleh bekerjasama dengan syarikat yang tidak berkaitan atau melibatkan diri dalam perlakuan pihak yang berbahasa kesat, mengganggu persaingan

atau bertentangan dengan persaingan yang adil dan terbuka.

Jika anda ragu-ragu sama ada tindakan yang anda mahu ambil melanggar prinsip tanggungjawab keusahawanan kita atau sebarang undang-undang antitrust atau persaingan, anda perlu mendapatkan nasihat daripada jabatan perundangan syarikat operasi anda atau RPM.



S&J

Senario: Semasa makan tengah hari di pameran perdagangan, saya duduk dengan pesaing kita yang bercakap tentang mahu mengambil tindakan terhadap pembekal yang mereka tidak suka berurusan. Saya memberitahu mereka yang mereka tidak boleh bercakap tentang mengambil tindakan terhadap pembekal atau pelanggan, dan selepas itu saya terus beredar.

Kewajipan Anda: Anda melakukan perkara yang betul. Pekerja tidak boleh berbincang dengan pesaing tentang aktiviti-aktiviti yang melibatkan pembekal, pelanggan atau sesiapa sahaja yang menjalankan transaksi perniagaan dengan kita. Jika berhadapan dengan senario yang sama, tinggalkan kawasan tersebut, dokumenkan apa yang berlaku dan maklumkan jabatan perundangan syarikat atau RPM anda.





Garis Panduan untuk Berurusan Dengan Pesaing

Elakkan memeterai perjanjian dengan pesaing. Jika anda membuat pengaturan tentang harga, diskaun, kadar pengeluaran, bidaan atau pembekal, sebagai beberapa contoh, anda mungkin melanggar nilai dan harapan dan/atau undang-undang kita. Jika anda fikir terdapat alasan perniagaan yang sah untuk berbuat demikian, bincang dengan penyelia anda atau jabatan perundangan syarikat anda atau RPM untuk kepastian.

Berikut adalah garis panduan lain yang berkaitan dengan daya saing.

- Keahlian atau penyertaan dalam pertubuhan perdagangan atau pameran perdagangan perlu diluluskan oleh syarikat operasi anda terlebih dahulu. Salinan bahan yang diagihkan semasa pameran atau mesyuarat perlu disimpan mengikut dasar penyimpanan dokumen syarikat operasi anda.
- Elakkan hubungan yang tidak diperlukan dengan pesaing.
- Jika anda berada dalam mesyuarat di mana pesaing sedang berbincang topik seperti harga atau pelanggan, tinggalkan mesyuarat serta-merta. Walaupun perbincangan tidak rasmi mengenai topik ini boleh menjadi pelanggaran.
- Jangan kemukakan statistik atau maklumat lain kepada persatuan dagangan tanpa kelulusan penasihat undang-undang syarikat anda.
- Walaupun harga yang kompetitif dibenarkan, anda tidak boleh menetapkan harga rendah yang tidak munasabah dengan niat atau kesan untuk memacu pesaing keluar daripada pasaran (penentuan harga predatori).
- Sebarang usaha niaga perniagaan dengan pesaing perlu dikaji semula oleh penasihat undang-undang syarikat anda.
- Elakkan rupa, tanda dan nama produk yang sama, atau mengelirukan sama seperti pesaing.
- Jangan memperkecilkan pesaing.



integriti
komitmen
tanggungjawab keusahawanan
keberanian moral



Garis panduan bagi Hubungan Antara Pelanggan dan Pembekal



Banyak peraturan dan undang-undang terpakai kepada hubungan antara pelanggan dan pembekal, dan kita tidak boleh merangkuminya semua. Walau bagaimanapun, berfikir munasabah mestilah digunakan. Jika perjanjian atau tindakan rasanya seperti salah, ia berkemungkinan salah. Jika anda tidak pasti, periksa dengan penasihat undang-undang. Di sini terdapat beberapa perkara yang boleh menimbulkan kebimbangan.

Mungkin terdapat masalah antipersaingan apabila cuba menjalankan kawalan ke atas pengendalian pelanggan bagi produk daripada pembekal lain, atau pemilihan pelanggan, harga atau di mana untuk menjual. Jangan menyekat aktiviti pemasaran pelanggan tanpa berbincang dahulu dengan jabatan perundangan syarikat anda.

- Walaupun sesuai dalam beberapa keadaan, kontrak atau pengaturan di mana syarikat

anda memerlukan pengedar untuk membeli produk tertentu, atau barisan produk secara eksklusif dari syarikat RPM, anak syarikat atau sekutunya harus diperhatikan dengan teliti untuk memastikan mereka mematuhi undang-undang dan peraturan antipersaingan. Dengan itu, dapatkan nasihat undang-undang sebelum memeterai sebarang perjanjian atau kontrak.

- Jangan paksa pelanggan untuk membeli barang sebagai syarat untuk mendapatkan barang lain yang juga ditawarkan oleh penjual itu.
- Kita mesti mengelakkan diskriminasi atau melayan secara berbeza mana-mana pelanggan yang bersaing dengan satu pelanggan atau lebih ramai pelanggan. Jika harga, rebat, diskaun atau bonus berbeza-beza, pastikan variasi tersebut dijustifikasikan dan didokumentasikan. Perbezaan harga atau terma jualan yang lain boleh dibenarkan jika dijustifikasikan berdasarkan penjimatan harga sebenar, kecekapan jumlah, memenuhi persaingan atau sebab objektif lain.
- Secara am, anda tidak sepatutnya menolak untuk membekalkan produk atau perkhidmatan kepada pelanggan. Walau bagaimanapun, anda boleh menolak untuk berurusan dengan mana-mana pihak jika keputusan anda dibuat secara bebas, tidak bertujuan menjadi paksaan dan tidak berdasarkan kepada perjanjian dengan pihak ketiga, seperti pesaing, pengedar atau pembekal. Dapatkan nasihat undang-undang sebelum menolak untuk berurusan dengan pelanggan atau menamatkan hubungan dengan pelanggan.
- Elakkan daripada mengelirukan pelanggan dengan menjanjikan prestasi yang anda tahu tidak boleh dipenuhi atau berasa ragu-ragu untuk dipenuhi. Sama juga, elakkan pengiklanan atau membuat pernyataan mengenai produk atau perkhidmatan yang tidak boleh dibuktikan.



Jika anda mengesyaki pelanggaran mana-mana nilai dan harapan kita, sila maklumkan penyelia anda, jabatan perundangan syarikat anda atau RPM, atau kemukakan kebimbangan anda melalui talian penting.



S&J

S: Saya mempunyai tiga pengedar yang sering bersaing untuk projek yang sama di kawasan saya. Saya mempunyai hubungan baik dengan mereka semua. Ia adalah pasaran kecil, dan semua orang tahu siapa pesaing untuk projek tempatan.

Pengedar-pengedar bertanya saya tentang harga spesifik bagi projek besar tertentu. Saya sangat sibuk menguruskan wilayah jualan saya, jadi saya sering menyalin ketiga-tiga pengedar pada e-mel harga projek yang sama. Kadang-kadang, salah seorang daripada mereka akan memberitahu saya tentang harga tokokan mereka dan bertanya, “Bagaimana pendapat awak tentang harga tersebut?” berbanding dengan pengedar yang lain. Apakah yang perlu saya beritahu?


J: Perjanjian antara pesaing untuk menetapkan harga atau memanipulasi bidaan adalah tidak sah dan boleh didakwa sebagai jenayah. Walaupun anda bukan pesaing untuk pengedar anda, disebabkan anda berkomunikasi dengan ketiga-tiga mereka pada e-mel yang sama tentang harga projek yang mereka semua bida, ia boleh dianggap bahawa anda memudahkan perbincangan harga antara syarikat yang bersaing. Apabila membincangkan projek-projek tertentu, sentiasa berkomunikasi dengan setiap pengedar secara individu. Elakkan menyalin ramai pengedar pada e-mel harga yang sama. Apabila pengedar anda bertanya kepada anda “bagaimana prestasinya,” dia mungkin memulakan perbualan tidak sah dengan anda mengenai harga, bidaan atau istilah perniagaan lain yang ditawarkan oleh pesaingnya pada projek yang sama. Anda tidak boleh berkongsi maklumat tersebut dengannya.

Menjalankan Perniagaan Dengan Individu dan Entiti Bereputasi dan Dipercayai

Pengubahan wang haram berlaku apabila seseorang cuba menyembunyikan hasil aktiviti jenayah melalui urusan niaga perniagaan "sah" untuk menyembunyikan identiti, sumber atau destinasi dana atau wang tersebut untuk membuatnya kelihatan sah. Syarikat kita akan menjalankan perniagaan hanya dengan pelanggan dan pembekal yang terlibat dalam

amalan perniagaan yang sah dan tidak korup. Kita semua perlu mengambil langkah untuk mematuhi Dasar Pematuhan Piawaian Pihak Ketiga dan Perdagangan RPM, dan mengenali pihak yang menjalankan perniagaan dengan kita bagi memastikan semua tindakan yang diambil oleh pihak ketiga bagi manfaat syarikat adalah selaras dengan the Value of 168 dan prinsip teras yang diwujudkan.

Jika anda mempunyai sebarang keraguan sama ada pelanggan atau pembekal menggunakan dana haram untuk melakukan perniagaan dengan syarikat anda, rujuk dengan jabatan perundangan syarikat anda atau RPM sebelum melengkapkan urusan niaga dengan individu atau entiti tersebut.



Tanda amaran antipengubahan wang ini menunjukkan sekurang-kurangnya, penyiasatan selanjutnya perlu dilakukan.

- Pembelian atau jualan yang luar biasa bagi perdagangan atau perniagaan pelanggan
- Kaedah pembayaran yang luar biasa, seperti bayaran tunai yang besar atau kiriman wang berganda
- Pelanggan atau pembekal cuba untuk mengekalkan tahap kerahsiaan yang tinggi, memaparkan keengganan untuk memberikan maklumat lengkap atau memberikan maklumat palsu
- Urus niaga kelihatan berstruktur untuk mengelakkan keperluan laporan (contoh, siri urusan niaga kurang daripada \$10,000)
- Struktur urusan niaga kompleks yang luar biasa
- Cara pembayaran tanpa tujuan perniagaan yang jelas
- Terma pembayaran faedah yang luar biasa
- Pindahan dari negara asing atau pihak ketiga yang tidak berkaitan dengan urusan niaga

Memastikan Urus Niaga Perdagangan dan Rentas Sempadan yang Sah

IMPORT/EKSPORT BARANGAN DAN PERKHIDMATAN

Undang-undang kawalan perdagangan kerajaan A.S. (termasuk import, eksport dan antiboikot) boleh digunakan untuk kita semua kerana RPM ditubuhkan di Amerika Syarikat. Anda tidak boleh menjalankan perniagaan dengan mana-mana individu atau syarikat yang berada di, atau yang mana anda mempunyai sebab untuk percaya mungkin berada di, Korea Utara, Iran, Syria atau Wilayah Crimea Ukraine. Kelulusan awal daripada jabatan perundangan RPM diperlukan untuk sebarang transaksi di Cuba atau Sudan. Sebagai tambahan kepada undang-undang kawalan perdagangan A.S., semua syarikat operasi mesti mematuhi undang-undang tempatan yang mungkin berkaitan dengan transaksi merentas sempadan mereka, termasuk undang-undang negara di mana produk atau perkhidmatan mereka dieksport, diimport atau diangkut.

Undang-undang ini boleh mengehadkan perdagangan yang berkaitan dengan produk tertentu, kegunaan produk, tujuan penggunaan, pengguna akhir atau mana-mana gabungan daripadanya, walaupun larangan penuh tidak diperlukan. Akibatnya, setiap syarikat RPM bertanggungjawab untuk mewujudkan satu proses bagi memastikan pemahaman dan pematuhan dengan semua peraturan perdagangan berkaitan yang boleh menjejaskan pemindahan merentas sempadan untuk produk dan perkhidmatannya.

UNDANG-UNDANG ANTIBOIKOT

Kakitangan perlu mengkaji semula semua dokumen dan surat-menyurat, khususnya surat kredit dan arahan pengiriman untuk mengenal pasti bahasa yang menyokong boikot Israel yang kita

tidak boleh persetujui. Sebarang permintaan untuk menahan daripada melakukan perniagaan dengan atau di Israel, atau mendiskriminasi sesiapa berdasarkan bangsa, agama, jantina, negara asal atau kewarganegaraan, tidak boleh dipersetujui atau dihormati dan perlu digugurkan dan dilaporkan kepada jabatan perundangan RPM dalam borang laporan Antiboikot suku tahunan.

BERURUSAN HANYA DENGAN MEREKA YANG MENGIKUTI PRINSIP NILAI DAN HARAPAN 168 RPM

Kami hanya akan berunding dengan broker kastam, ejen, wakil jualan, pengedar atau perantara lain yang komited untuk mematuhi dan membantu RPM dan syarikat-syarikatnya dengan mengikuti semua undang-undang, aturan dan peraturan yang berkenaan. Anda tidak boleh menjalankan perniagaan dengan mana-mana pihak atau dalam sebarang cara yang dilarang oleh A.S, Kesatuan Eropah atau undang-undang tempatan. Syarikat kita tidak membenarkan pihak ketiga melanggar undang-undang dan peraturan bagi pihak kita. Oleh itu, sebelum menjalankan perniagaan, dan menurut Dasar Pematuhan Piawaian Pihak Ketiga dan Perdagangan RPM, anda mesti memastikan bahawa setiap individu atau syarikat dengan siapa anda menjalankan perniagaan (1) mematuhi prinsip-prinsip yang digariskan dalam Nilai & Harapan 168 RPM, dan (2) bukan merupakan pihak yang dilarang atau beroperasi untuk faedah kita di negara yang di embargo. Rujuk kepada jabatan perundangan syarikat anda atau RPM apabila anda mempunyai kebimbangan untuk melakukan perniagaan dengan mana-mana negara, organisasi atau individu.



Untuk maklumat lanjut dan panduan mengenai urus niaga dengan individu dan entiti yang bereputasi, atau mengenai undang-undang dan peraturan pematuhan perdagangan, sila rujuk kepada Dasar Pematuhan Piawaian Pihak Ketiga dan Perdagangan RPM atau rujuk kepada jabatan perundangan syarikat anda atau RPM. Dasar Pematuhan Piawaian Pihak Ketiga dan Perdagangan RPM boleh didapati di <https://www.rpminc.com/vepolicies/>





Keberanian Moral

UNTUK MELAPORKAN DAN MEMBETULKAN
PELANGGARAN YANG DISYAKI

TALIAN PENTING:

- Nombor talian penting bagi lokasi anda ditampal di sekitar ruang kerja anda.
- Nombor talian penting berguna pakai kepada negara di mana anda bekerja juga boleh ditemui di www.rpminc.com/hotline.
- Anda juga boleh memberitahu talian penting secara bertulis dengan mengisi laporan di <https://iwf.tnwgrc.com/rpminational>.



ANDA BERTANGGUNGJAWAB DAN DIGALAKKAN UNTUK MELAPORKAN DAN MEMBETULKAN PELANGGARAN YANG DISYAKI TANPA RASA TAKUT TERHADAP TINDAKAN BALAS

Tidak kira apa jua situasi anda hadapi, tuntutan nilai dan harapan kita adalah supaya kita semua bertindak dengan jujur dan penuh integriti. Sebagai pekerja, kita bertanggungjawab untuk mematuhi semua undang-undang, dasar syarikat dan standard perniagaan. Komitmen anda untuk sentiasa melakukan perkara yang benar, dengan cara yang betul, atas sebab yang betul akan mengukuhkan syarikat kita dan reputasi peribadi anda sendiri. Jangan takut untuk membuat sebarang pertanyaan atau menyatakan kebimbangan mengenai keselamatan, isu etika atau pematuhan terhadap undang-undang.

Tiada pengarah, pegawai, atau pekerja tertakluk kepada tindakan balas kerana membetulkan atau melaporkan secara jujur pelanggaran yang disyaki terhadap undang-undang atau nilai dan harapan kita. Mana-mana pengarah, pegawai, atau pekerja yang terlibat dalam sebarang tindakan balas, atau retribusi untuk melaporkan atau membetulkan pelanggaran yang disyaki akan dikenakan tindakan disiplin, yang mungkin termasuk penamatan kerja.

Kami menetapkan nombor talian penting dan kaedah laporan berasaskan web yang membolehkan anda membuat laporan pelanggaran dengan mudah di mana-mana negara kami beroperasi tanpa rasa takut terhadap tindakan balas.

Jika anda ragu-ragu sama ada untuk melaporkan atau membetulkan sesuatu, berhati-hati dan gunakan banyak kaedah yang tersedia untuk memberitahu seseorang di syarikat kita. Kegagalan untuk melaporkan atau membantu dalam membetulkan pelanggaran yang disyaki mungkin membenarkan amalan yang tidak beretika, tidak selamat atau tidak jujur untuk diteruskan, mengakibatkan anda menjadi pemudah cara dalam melanggar nilai dan harapan kita. Oleh itu, kegagalan untuk melaporkan atau membantu dengan pembedulan pelanggaran itu sendiri adalah melanggar nilai dan harapan kita.

MAKLUMAT ASAS TALIAN PENTING

- Panggilan talian penting dikendalikan oleh perkhidmatan pihak ketiga bebas dan tidak dirakam.
- Melainkan jika undang-undang tempatan melarang laporan tanpa nama, anda tidak perlu memberikan identiti anda kecuali jika anda memilih untuk berbuat demikian.
- Anda akan menerima arahan yang mengarahkan anda untuk menghubungi talian penting untuk menerima status kemas kini mengenai laporan anda atau arahan tambahan.
- Jika anda membuat keputusan untuk kekal tanpa nama, sila ingat bahawa kebimbangan anda mungkin tidak boleh diselesaikan kecuali ada fakta bebas untuk mengesahkan dakwaan tersebut.
- Pembalasan adalah dilarang keras.
- Sesetengah negara bukan A.S mungkin menyekat apa yang dilaporkan melalui talian penting. Untuk maklumat lanjut, layari www.rpminc.com/hotline.



S&J



CARA UNTUK MELAPORKAN KEBIMBANGAN ANDA

- Bercakap atau menghantar e-mel kepada penyelia anda.
- Jika anda berasa tidak selesa bercakap dengan penyelia anda mengenai kebimbangan anda, anda boleh bercakap dengan atau mengemukakan kebimbangan anda secara bertulis atau melalui e-mel kepada penyelia lain, seseorang di RPM atau seseorang di HR. Senarai hubungan berkaitan pematuhan RPM boleh didapati di <https://www.rpminc.com/vepolicies/>
- Jika anda berada dalam salah satu syarikat operasi RPM, anda boleh bercakap atau mengenal pasti kebimbangan anda secara bertulis atau melalui e-mel terus ke penasihat undang-undang atau wakil pematuhan syarikat anda.
- Talian penting (laporan berasaskan telefon dan web) boleh didapati di semua lokasi, dan di kebanyakan negara, laporan talian penting boleh dibuat tanpa nama. Arahan mengenai cara untuk menggunakan talian penting diterangkan dalam poster yang terletak di pejabat RPM dan semua lokasi syarikat operasi dan juga di www.rpminc.com/hotline.

S: Perlukah saya melaporkan sesuatu yang disyaki, walaupun saya tidak pasti apa yang saya nampak, adalah sebenarnya salah?

J: Sudah tentu. Kita semua mempunyai tugas untuk melindungi RPM, rakan sekerja, pemegang saham dan aset syarikat yang lain. Laporan yang dibuat dengan jujur menunjukkan anda menyedari dan memahami kewajipan anda.

S: Tetapi saya takut saya akan dipecat?

J: Walaupun jika kemudiannya diputuskan bahawa tidak ada pelanggaran berlaku, anda melakukan perkara yang betul dengan melaporkan kebimbangan wajar anda. Tiada siapa yang boleh mengambil tindakan buruk terhadap anda kerana melaporkan kebimbangan dengan jujur dan tiada bentuk tindakan balas yang akan diterima.

Kita Semua Mempunyai Kepentingan dalam Bekerjasama Dengan Semua Siasatan

Semua laporan jujur mengenai sebarang pelanggaran undang-undang atau nilai dan harapan kita akan disiasat sewajarnya. Sekiranya penyiasatan sedang dijalankan, sentiasa berkelakuan mengikut cara yang berikut.

- Memelihara maklumat yang berkaitan dengan situasi yang sedang disiasat. Pemusnahan atau menyembunyian sebarang dokumen atau maklumat adalah dilarang keras.
- Jika anda ditemu ramah atau diminta memberikan dokumen, beri maklumat yang benar dan lengkap.
- Melainkan jika dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang, jangan bincangkan perkara yang sedang disiasat tanpa kebenaran daripada pasukan penyiasatan.

Jika siasatan memutuskan bahawa salah laku terjadi, syarikat kita akan mengambil semua langkah yang sesuai selaras dengan undang-undang. Ini mungkin termasuk melaporkan pelanggaran kepada pihak berkuasa yang berkenaan, menyediakan latihan selanjutnya, menapis dasar dan prosedur dan mengambil tindakan disiplin, termasuk penamatan. Sesiapa sahaja yang terlibat dalam salah laku menyalahi undang-undang tertakluk kepada pendakwaan sivil atau jenayah.



Komitmen berterusan para pekerja bagi mematuhi Nilai dan Harapan 168 RPM akan memperkukuh warisan RPM sebagai usahawan yang mencipta nilai untuk semua.

integriti
komitmen
tanggungjawab keusahawanan
keberanian moral



TALIAN PENTING:

- Nombor talian penting bagi lokasi anda ditampal di sekitar ruang kerja anda.
- Nombor talian penting berguna pakai kepada negara di mana anda bekerja juga boleh ditemui di www.rpminc.com/hotline.
- Anda juga boleh memberitahu ke talian penting secara bertulis dengan mengisi laporan di <https://iwf.tnwgrc.com/rpminternational>.



2628 Pearl Road • Medina, Ohio 44256
www.rpminc.com
1-330-273-5090

Kegunaan Nilai dan Harapan ini

Semua pekerja, pegawai dan pengarah RPM, syarikat operasi dan anak syarikatnya perlu mematuhi nilai dan harapan yang dikenal pasti dalam buku panduan ini. Semua pegawai dan pengarah RPM dan syarikat operasinya dan anak syarikat mestilah juga mematuhi Dasar Pengurusan RPM. Versi buku panduan elektronik yang dikemas kini boleh didapati di www.rpminc.com/about-rpm/worldwide-code-guidelines/.

Tafsiran, pengecualian

Jawatankuasa Pencalonan dan Tadbir Urus Lembaga Pengarah RPM International Inc. bertanggungjawab untuk pentafsiran dan aplikasi Nilai & Harapan 168 dan meluluskan semakan buku panduan ini sebagai Kod Tatakelakuan dan Etika RPM, dan tertakluk kepada semakan, garis panduan pelaksanaan, dan kelulusan seperti yang dikehendaki oleh undang-undang tempatan yang berkaitan, ia diguna pakai kepada semua pekerja dan Pegawai Kewangan Kanan. Dari semasa ke semasa, syarikat boleh mengetepikan peruntukan-peruntukan tertentu. Sebarang pengecualian peruntukan ini untuk pengarah, pegawai eksekutif atau Pegawai Kewangan Kanan syarikat hanya boleh dibuat oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Tadbir Urus Lembaga Pengarah dan mesti didedahkan dengan segera seperti yang dikehendaki oleh SEC atau peraturan Bursa Saham New York. Sebarang permohonan pengecualian untuk pekerja lain perlu dikemukakan secara bertulis kepada Penasihat Undang-undang ibu pejabat RPM. Kelulusan juga mesti dibuat secara bertulis dan perlu diperolehi terlebih dahulu untuk tindakan yang memerlukan pengecualian.

Antirasuah

Halaman 21-27 di dalam buku panduan ini menekankan tentang amalan dan kawalan antirasuah yang spesifik, dan dengan itu tanpa pengubahsuaian lanjut terhadap Polisi Antirasuah RPM.

the Value of 168 adalah tanda dagangan berdaftar RPM International Inc.

Diterbitkan oleh Convero
835 Sharon Drive, Suite 200, Westlake, OH 44145
1-440-250-7000 | www.converoinc.com

